

BAB III

LAPORAN DAN ANALISA DATA PELAKSANAAN PENGAJIAN AL-QUR'ĀN SEKOLAH RENDAH ISLAM SWASTA DI KOTA BHARU, KELANTAN

BAB KETIGA

LAPORAN DAN ANALISA DATA PELAKSANAAN

PENGAJIAN AL-QUR'ĀN SEKOLAH RENDAH ISLAM SWASTA DI KOTA BHARU, KELANTAN

3.0 PENGENALAN

Disingkap melalui sejarah pendidikan masyarakat dahulukala, kanak-kanak diajar oleh kedua ibu bapa. Hanya pendidikan berunsur moral diberi dengan didikan al-Qur'ān dan sunnah Nabi S.A.W. Manakala pendidikan akademik dipelajari di sekolah-sekolah yang mana kewujudannya boleh dikira dengan jari. Malah pendidikan keagamaan dan akademik diasingkan. Hasil dari pendidikan yang sedemikian rupa, maka lahirlah ahli perniagaan yang kaya raya atau ahli teknokrat yang berketerampilan tetapi jiwa mereka mundur kerana bergelumang dengan sifat-sifat tamak dan tidak bertanggungjawab. Malah akan melahirkan ahli-ahli profesional yang pakar dalam mengendalikan teknologi tinggi (*hi-tech*) tetapi akhlak dan moralnya runtuh dan binasa. Sistem pendidikan negara yang kurang memuaskan para cendekiawan ilmuwan Islam menyebabkan sistem aliran pendidikan Islam ditubuhkan bagi meletakkan hala tuju anak-anak pada masa depan dengan aliran pendidikan Islam dan al-Qur'ān. Sistem yang membawa penyatuan kedua-dua ilmu duniawi dan ukhrawi dilaksanakan di peringkat sekolah rendah Islam swasta, sebagai asas untuk membela nasib pendidikan Islam yang menjadikan al-Qur'ān sebagai rujukan kepada semua ilmu. Pengurusan dan pentadbiran sesebuah institusi pendidikan bukanlah suatu kerja yang mudah. Dalam konteks pendidikan ia bermula dengan falsafah, matlamat, objektif dan hasrat yang meliputi aspek kurikulum, isi sukatan pelajaran, guru, kaedah pengajaran, aktiviti dan penilaian. Dalam bab ini penulis akan menghuraikan semua di atas berdasarkan pelaksanaan sekolah rendah Islam swasta.

3.1 PELAKSANAAN KELAS AL-QUR'ĀN DI SEKOLAH RENDAH ISLAM SWASTA

Penulis melihat pelaksanaan berkenaan pengurusan dan pentadbiran sekolah rendah Islam swasta agak hampir sama, tidak ada perbezaan sangat, bukti dengan merujuk kepada panduan penubuhan sekolah, peraturan am sekolah, kertas kerja penubuhan persatuan dan dokumen-dokumen yang berkenaan bermula dengan struktur organisasi sehingga pentadbiran sekolah dan sukanan pelajaran termasuk peraturan am murid dan guru. Sekolah-sekolah rendah Islam yang di bawah (PERSIAP), muridnya hampir 3000 orang, manakala guru dan kakitangannya tidak melebihi 450 orang²²¹. Sebahagian daripada jumlah tersebut adalah guru sepenuh masa yang berkhidmat dengan sekolah dan selainnya terdiri dari guru tambahan

3.1.1 Sekolah Rendah Islam Aman (SRI AMAN)

Sekolah rendah Islam Aman (SRI AMAN) di Kota Baharu di bawah Yayasan Pendidikan Islam Aman (YPIA). Diasaskan pada 1990, sekolah yang paling lama dan awal pendaftaran dengan JPN pada tahun 1991. Bilangan murid di sekolah ini seramai 560 orang, tenaga pengajar adalah seramai 67 orang dan guru al-Qur'ān seramai 32 orang.²²² Sekolah ini merupakan sekolah yang terbaik lagi terpilih. Ia dinilai daripada jumlah murid tertinggi iaitu melebihi 500 orang dan ini menunjukkan sambutan dari ibu bapa. Bagi calon murid yang hendak mendaftar sebagai darjah satu di sekolah ini pasti pendaftaran dilakukan dua tahun sebelum tahun kemasukan, dan dari segi pencapaian murid UPSR, pada tahun 2007 murid yang dapat 5A seramai 30 orang dari jumlah murid tahun 6 100 orang murid dan peratus kelulusannya 94%²²³ peratus yang tertinggi adalah dari kalangan sekolah-sekolah SRI yang lain. Jadual al-Qur'ān mengikut jadual

²²¹Ustaz Omar Wan Alias, Pengarah RSI Aman, Temu bual pad 7 Februari 2011.

²²²*Ibid.*,

²²³ SRI Aman, Pusat Pendidikan Aman, ed.7, KB: Pustaka Aman, h.107

kelas masing-masing tidak diselaraskan pada waktu yang sama.²²⁴ Sistem kelas di sekolah ini, boleh dibahagi kepada dua program ialah al-Qur'ān sebagai mata pelajaran teras dan asas yang mewajibkan murid mengikutinya dan satu lagi pengajian al-Qur'ān²²⁵ tambahan untuk murid yang memerlukan pengisian al-Qur'an pada sebelah petang iaitu selepas sesi persekolahan.

Pelaksanaan masa kelas al-Qurān adalah mengikut subjek iaitu dalam seminggu Tahun 1 dan Tahun 2 ialah lapan masa. Bagi Tahun 3 ialah sepuluh masa dan Tahun 4 hingga Tahun 6 adalah lapan masa. Mata pelajaran sokongan seperti bahasa Arab dari peringkat Tahun 1 sehingga Tahun 6 adalah sebanyak enam masa dan juga mata pelajaran yang menggunakan tulisan Jawi iaitu termasuklah subjek Aqidah, Akhlak, Feqah dan Sirah adalah sebanyak 12 masa. Maka, jumlah keseluruhannya adalah 44 masa bersamaan dengan 46.8% berbanding dengan subjek Akademi iaitu 50 masa dalam seminggu bersamaan dengan 53% dari keseluruhan 95 masa dalam seminggu.

Sijil Penilaian Pencapaian Murid (SPPM) merupakan sijil agama yang akan diduduki oleh murid darjah 5 untuk menilai tahap pencapaian yang terlibat dengan subjek Agama dan al-Quran seperti; al-Quran, Tajwid, Tilawah, Hafazan, BA Penulisan, BA PEM, Aqidah, Feqah, Akhlak, Sirah dan PSFM. Peranan guru al-Quran adalah penting di dalam menentukan tahap pelaksanaan pendidikan al-Quran.

3.1.2 Sekolah Rendah Islam al-Hikmah (SERI ABIM)

Sekolah ini di bawah tadbir urus dan tanggungjawab Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Dari segi prosedur tidak berbeza dengan sekolah rendah Islam Aman. Jaraknya adalah 2 kilometer dari Kota Bharu dan jalannya menghadap lapangan terbang Pengkalan Chepa. Matlamat penubuhannya adalah untuk memberi ilmu keagamaan dan

²²⁴Ustaz Azmi Harun, Guru Pakar al-Quran, Temu bual pada 12 April 2011

²²⁵Guru al-Quran dan Tenaga Pendidik PPA , Temu bual pada 5 April 2011.

mendekatkan belia dengan syahwah Islamiah al-Qur'ān dan Sunnah sebagai sumber rujukan ummah. Segala keperluan dan kelengkapan disediakan oleh persatuan tersebut, termasuk pentadbiran, pengurusan, sukanan pelajaran dan membayar elauan guru-guru.

Seramai 467 orang murid yang berdaftar dibahagikan kepada 24 buah kelas. 35 orang guru adalah mereka yang terlibat dengan pengajian al-Qur'ān. Bagi setiap kelas dihadkan seramai 20-28 orang murid sahaja. Sistem kelas al-Qur'ān adalah mengikut bilik darjah masing-masing kecuali murid yang lemah dalam pencapaian al-Qur'ān maka disalurkan kelas khas untuk al-Qur'ān. Maka dengan cara ini dapat mengatasi murid yang jauh berbeza dengan murid-murid yang lain dalam menanamkan minat dalam sesi pembelajaran murid kerana purata tahap pencapaian murid tidak jauh beza. Cuma murid yang di peringkat darjah tinggi atau tahap dua, mereka memerlukan latihan dan usaha yang lebih banyak untuk menyelaraskan dengan sukanan yang telah dihadkan kepada mereka.²²⁶

Salah satu keistimewaan yang terdapat di sekolah ini ialah kaedah pengajaran yang teratur dan berkesan. Penulis mendapati sistem Iqra' telah lama digunakan sebagai kaedah pengajaran. Menurut cadangan guru, penggunaan buku Iqra' amat mudah diikuti oleh murid untuk memudahkan murid belajar. Setiap murid diwajibkan memiliki buku tersebut. Oleh itu, pembelajaran mereka menjadi lebih kemas dan dapat dipastikan tahap pencapaian murid-murid tersebut. Dari segi kedatangan dan kehadiran murid ke kelas al-Qur'ān, tindakan disiplin akan dikenakan bagi murid yang tidak dapat memberi sebab ketidakhadiran. Malah segala permasalahan murid akan diselesaikan dalam mesyuarat guru panitia dan akan dipanggil bersama ibu bapa. Maka, semestinya pihak ibu bapa mengambil berat tentang segala permasalahan guru dan murid.

²²⁶Ustaz Abdullah B Hj. Ramli, Guru al-Quran dan bahasa Arab, Temu bual pada 10 Mac 2011

3.1.3 Sekolah Rendah Islam Kiblah (SRI KIBLAH)

Sekolah ini diurus tadbir di bawah Yayasan Kebajikan Nusantara, kewujudannya untuk memberi ilmu keagamaan atas dasar kesahihan aqidah *salaf salih* dan menjauhi amalan-amalan *khurafat* dan *bid'ah* dalam kalangan masyarakat Islam. Dasar penumbuhan dan segala kemudahan kelas termasuk menampung eluan guru dan yuran pelajar adalah ditanggung penuh oleh Yayasan Kebajikan Nusantara .

Bilangan murid adalah seramai 289 orang iaitu dari darjah satu sehingga darjah enam, yang telah melibatkan sebanyak 12 buah kelas. Bagi setiap satu kelas, dihadkan bilangan muridnya seramai 20 sehingga 25²²⁷ orang sahaja. Sistem bilik darjah di sekolah ini adalah mengikut tahap pencapaian murid khususnya kelas-kelas di tahap satu (Tahun 1 hingga Tahun 3) cara ini tidak mendatangkan masalah atau mengganggu pembelajaran murid kerana purata tahap pencapaian murid tidak jauh beza. Cuma mereka memerlukan latihan yang lebih banyak selaras dengan apa yang mereka pelajari. Salah satu keistimewaan yang terdapat di sekolah ini ialah kaedah pengajaran Iqra' sebagai sukanan dan dasar pembelajaran yang teratur dan berkesan diaplikasikan. Penulis mendapati, sistem Iqra' di sekolah ini telah lama digunakan sebagai cara dan kaedah pengajaran. Menurut guru-guru al-Qur'an penggunaan buku Iqra' amat mudah diikuti oleh murid. Untuk memudahkan murid belajar, setiap murid diwajibkan memiliki buku tersebut. Dengan cara ini, pembelajaran mereka menjadi lebih kemas dan dapat dipastikan tahap pencapaian murid-murid tersebut.

3.2 STRUKTUR ORGANISASI SEKOLAH RENDAH ISLAM SWASTA

Di antara matlamat penumbuhan institusi Islam swasta ialah membina generasi al-Qur'an yang hakiki, dalam tahap pelaksanaannya ada beberapa peringkat jawatankuasa seperti berikut:-

²²⁷ Pentadbiran SRI Kiblah (2011), op, cip h. 10-11

3.2.1 Jawatankuasa Dasar dan Penyelaras

Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan untuk membuat pemilihan guru-guru dan penilaian maklum balas peserta perjalanan kelas al-Qur'ān dari masa ke semasa. Jawatan ini juga bertugas merancang, merangka dan meluluskan keperluan anggaran perbelanjaan kelas ini. Jawatan ini juga membuat pemilihan guru-guru di samping mengatur rancangan dan menentukan kelas yang hendak diadakan serta berkuasa untuk menetapkan dan mengubah sukatan serta kurikulum tilawah dan Hafazan.²²⁸

3.2.2 Jawatan Penyelia dan Penyelaras

Ahli jawatankuasa perlu mengikuti perjalanan kelas dan mengetahui permasalahannya. Antara tugas yang perlu dilaksanakan²²⁹ ialah :-

- i. Menyelia aktiviti-aktiviti kelas pengajian al-Qur'ān.
- ii. Menjadi pegawai perhubungan di antara sekolah-sekolah.
- iii. Menjalankan tugas-tugas urus setia kepada program al-Qur'ān.
- iv. Menerima, menyemak dan mengemukakan semua laporan daripada guru-guru. Serta memastikan borang mengajar sampaikan kepada pihak pengurusan mudir.
- v. Menyelia dan mengemas kini rekod berhubung dengan perjalanan kelas.
- vi. Menyediakan laporan aktiviti dan maklumat di peringkat sekolah.

3.2.3 Guru dan Tenaga Pengajar

Guru mempunyai tugas yang mulia lagi penting kerana keran di tangan gurulah letaknya masa depan generasi muda hari ini. Dengan itu, SRIS menggariskan proses pelantikan guru al-Qur'ān adalah melalui temu duga dengan pengarah sekolah, guru besar dan guru

²²⁸ AHM/Pen.Sd/96(1), Surat dan Kertas Kerja Mendaftar Sekolah Islam Swasta , 12 Mac , h.5

²²⁹ *Ibid.*,

pakar bagi sekolah-sekolah tersebut. Menurut prosedur, perlantikan dibuat berdasarkan tiga kategori²³⁰, ialah;

- i. Guru al-Qur'ān secara separuh masa.
- ii. Tenaga pakar al-Qur'ān.
- iii. Guru al-Qur'ān sepenuh masa.

3.4 PELAKSANAAN MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENGAJIAN AL-QUR'AN SEKOLAH RENDAH ISLAM SWASTA

Matlamat dan objektif diertikan sebagai tujuan terhadap sesuatu perkara yang ingin dicapai. Ia adalah *ahdaf*²³¹ dalam pendidikan Islam. Ini kerana satu sistem yang hendak dilaksanakan itu memenuhi matlamat yang telah dirancang. Perancangan yang disusun perlu ada matlamat untuk mencapai.

3.4.1 Pelaksanaan Mata Pelajaran

- i. Tahap 1 : Aqidah, Fiqah, Sirah, akhlak, al-Qur'ān (hafazan, Tilawah, Tajwid) Bahasa Arab, Jawi, Matematik, Bahasa Melayu (Penulisan dan Pemahaman) Bahasa Inggeris,, Seni , PJK.
- ii. Tahap 2 : Aqidah, Fiqah, Sirah, Akhlak, al-Qur'an (Hafazan, Tilawah, Tajwid) Bahasa Arab, Jawi, Matematik, Bahasa Melayu (penulisan dan Pemahaman), Bahasa Inggeris, Seni, Sains, Kajian Tempatan, Kemahiran Hidup, PJK, Program Syabab.

²³⁰Ibid., dan lihat Pentadbiran SRI Kiblah (2011)., op, cip

²³¹Ghazali Darussalam(2004), Pedagogi Pendidikan Islam, Kuala Lumpur: Prin-Ad Sdn. Bhd, h.32

3.4.2 Masa al-Qur'ān Berbanding dengan Subjek lain dalam Seminggu

Jadual 3.05: Masa setiap Subjek

Bil	SUBJEK	TAHUN	TAHAP	BIL.MASA*
1	al-Qur'ān	1,2	1	8
2	al-Qur'ān	3		10
3	al-Qur'ān	4,5,6	2	8
4	Aqidah	1-6		2
5	Akhlik	1-5		1
6	Fiqhah	1-6		2
7	Sīrah	1-6		2
8	Jawi	1,2	1	3
9	Jawi	3	1	2
10	Bahasa Arab	1-6	1&2	6
11	Bahasa Melayu	1-6	1&2	10
12	Bahasa Inggeris	1-6	1&2	7
13	Matematik	1-6	1&2	7
14	Pendidikan Seni	1-3	1	2
15	Pendidikan Seni	4,5	2	1
16	Pendidikan Jasmani	1-6	1&2	1
17	Sains	1	1	2
18	Sains	4,5	2	4
19	Sains	6	2	5
20	Kajian Tempatan	4,5	2	2
21	Kajian Tempatan	6	2	1
22	Kemahiran Hidup	4,5	2	2
23	Kemahiran Hidup	6	2	1
24	Solat	1-6	1&2	5

*Satu masa : 30 minit

3.4.3 Matlamat Subjek al-Qur'ān²³²

- i. Membaca al-Qur'ān dengan bertajwid.
- ii. Faham asas-asas ilmu tajwid.
- iii. Hafaz juz. 'amma dan surah-surah pilihan.
- iv. Faham pengertian surah-surah yang dihafal.
- v. Tahu maksud surah-surah yang dihafal secara *ijmalī*.

²³² SRI Aman,(t.t). *Catatan dan Pedoman Guru Besar h 4*

3.4.4 Objektif Subjek Al-Qur'ān²³³

Jadual 3.06 : Objektif pengajian al-Qur'ān

THN	OBJEKTIF
1	<p>TILAWAH Murid dapat menyebut asas-asas bacaan dalam sukatana seperti dalam buku 1-3. Murid dapat membaca al-Quran sukatana hafazan Tahun 1 Murid dapat menghafal dengan baik surah al-Dhuḥā' sehingga al-Nās</p> <p>TAJWID Pelajar dapat mengenal huruf-huruf <i>ijaiyah</i> dengan betul mengikut makhraj serta sifat-sifatnya</p> <p>HAFAZAN Pelajar boleh menghafal surah-surah berikut :- al-Fātiḥat, al-Fil, al-Quraisy, al-Ma'ūn, al-Khauthar, al-Kāfirūn, al-Masad, al-Ikhlās, al-Falaq dan al-Nās</p> <p>PENGHAYATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelajar dapat mengetahui maksud perkataan-perkataan penting dalam surah yang dihafal. - Pelajar dapat mengetahui maksud umum dalam surah yang di hafal
2	<p>TILAWAH -Murid-murid boleh membaca semua sukatana hafazan dengan bertajwid tanpa kesalahan yang nyata (jalil) -Murid dapat menyebut asas-asas bacaan dalam sukatana seperti dalam buku 1-3.</p> <p>HAFAZAN Murid-murid dapat mengenal huruf-huruf <i>Hijāiyah</i> dengan betul mengikut makhraj serta sifat-sifatnya</p> <p>TAJWID Murid-murid boleh menghafal surah-surah berikut dengan bertajwid;- al-Dhuḥā', al-Sharḥ, al-Tīn, al-Alaq, al-Qadr, al-Baiyinah, al-Zalzalah, al-'Ādiyāāt, al-Qāri'ah, at-Takāthur, al-'Asr dan al-Humazah</p> <p>PENGHAYATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> -Murid-murid dapat mengetahui maksud-maksud perkataan penting dalam surah yang di hafal -Pelajar dapat mengetahui maksud umum dalam surah yang dihafal.
3	<p>TILAWAH Pelajar dapat menghabiskan bacaan dengan bertajwid tanpa kesalahan yang nyata dari juz 1 hingga juz 7</p> <p>HAFAZAN Pelajar mengetahui hukum tajwid berikut</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Ta'rif</i> dan hukum tajwid, adab-adab tilawah, Faedah belajar ilmu tajwid dan Dalil yang menuntut kita belajar ilmu tajwid 2. Al-istia'āzah, hukum membaca, cara menyambung istia'āzah, <i>Basmalah</i> dan awal surah 3. <i>Basmalah</i>, hukum membaca dan cara-cara bacaan 4. <i>Nūn Sākinah</i> dan tanwin <p>TAJWID Pelajar dapat menghafal surah-surah berikut dengan bertajwid;- al-</p>

²³³ *Ibid.*, (tt,) h.4-6

Sambungan Jadual 3.05

	Mutaffīfin, al-Insyiqāq, al-Burūj, at-Tāriq, al-‘Alaq, al-Ghasyiah, al-Fajr, al-Balad, al-Syams dan al-lail
	PENGHAYATAN 1.Pelajar dapat mengetahui maksud perkataan surah-surah yang di hafal. 2.Pelajar dapat mengetahui maksud umum dalam surah yang di hafal.
4	TILAWAH Pelajar dapat menghabiskan bacaan dengan bertajwid tanpa kesalahan yang nyata dari juz 8 hingga juz 14 bacaan dibuat sama ada di rumah atau di sekolah. TAJWID Pelajar mengetahui hukum tajwid:- 1. <i>nun</i> dan <i>mim syaddah</i> 2. <i>mim sakinah</i> dan 3.hukum <i>mad</i> , <i>mad asli</i> , <i>madarif lissukun</i> , <i>mad iwad</i> , <i>madwajib muttasil</i> , <i>madjaiz munfasil</i> dan <i>mad lazim</i> HAFAZAN 1.Pelajar dapat menghafal surah-surah tahun 1,2 dan 3 2.Pelajar dapat menghafal surah-surah berikut ;- <i>al-Naba'</i> , <i>al-Nazi'at</i> , <i>'abasa</i> , <i>al- taqwir</i> dan <i>al-Infitor</i> PENGHAYATAN Pelajar mengetahui pengertian ayat-ayat dalam surah yang di hafal <i>al-Fatiḥah</i> & juz. 30 pelajar mengetahui pengertian ayat-ayat dalam surah yang di hafal
5	TILAWAH Pelajar dapat menghabiskan bacaan dengan bertajwid tanpa kesalahan yang <i>jalil</i> dari juz' 15 hingga juzu'21 TAJWID Pelajar mengetahui hukum-hukum tajwid berikut:- 1. <i>mad silah</i> 2. <i>mad tamkin</i> 3. <i>mad līn</i> 4. <i>mad badal</i> 5. <i>mad fāraq</i> 6. <i>makhraj huriūf</i> 7. <i>Sifat-sifat huruf(qalqalah)</i> 8. <i>idgham</i> , <i>mutamāthilain</i> , <i>mutajānisain</i> dan <i>mutaqāribain</i> dan akhirnya9.Hukum <i>Rāa'</i> dan <i>lām</i> (<i>lām lafzul Jalālah</i>) HAFAZAN Pelajar dapat menghafal surah-surah berikut:- 1.surah-surah pilihan seperti :- <i>Yāsīn</i> , <i>al-Mulk</i> , <i>al-Insān</i> , <i>al-Dhuḥā'</i> dān 2.Juzu' 30
6	TILAWAH Murid-murid dapat menghabiskan bacaan dengan bertajwid tanpa kesalahan yang nyata dari juz. 22 hingga juz. 30 Pelajar sekurang-kurangnya dapat khatam sekali dengan bacaan bertajwid tanpa kesalahan yang jalil(nyata) TAJWID Murid-murid dapat membezakan dan memahami hukum-hukum berikut :- 1.Hukum-hukum khas <i>Riwayat Hafs</i> iaitu:- i. <i>Hamzah</i> ii. <i>Saktah</i> iii. <i>Isymamiv</i> . <i>Roum v..Naql vi. Imālah</i> dan <i>Tashīl</i> 2. <i>Wakaf</i> dan <i>ibtidā'</i> dan 3.Tanda-tanda <i>rasm uthmānī</i> HAFAZAN Murid-murid dapat menghafal surah-surah berikut dengan bertajwid:- 1.Surah-surah pilihan, <i>Sajdah</i> , <i>al-Wāqi'ah</i> dan <i>al-Jumā'ah</i> 2.Surah-surah pilihan thn5 dan 3.juz'30 PENGAHAYATAN Murid-murid dapat mengetahui pengertian ayat-ayat yang dihafal.

3.4.5 Pelaksanaan di Bawah Skop Tugas Unit Tilawah Al-Qur'ān²³⁴

- i. Mengadakan mesyuarat AJK dan merancang aktiviti unit tilawah.
- ii. Melaksanakan aktiviti tahunan yang telah diputuskan dalam mesyuarat.
- iii. Memastikan setiap murid mencapai target yang telah ditentukan.
- iv. Mewujudkan aktiviti yang boleh menarik minat murid supaya sentiasa membaca al-Qur'ān walau di mana mereka berada.
- v. Menyediakan jadual harian, kelas hari minggu serta kelas musim cuti.
- vi. Memastikan kelas berjalan dengan lancar.
- vii. Menentukan guru yang berkelayakan untuk mengajar.
- viii. Menyediakan jadual semakan.
- ix. Menyediakan rekod pencapaian bagi murid.
- x. Menyemak kerja bertulis murid.
- xi. Melaksanakan tugas-tugas yang diarah oleh penolong kanan atau Guru Besar.

3.4 PELAKSANAAN PERANCANGAN MENGAJAR DAN PENGURUSAN BILIK KELAS AL-QUR'ĀN

Tujuan kepada teknik mengajar ialah untuk menyampaikan bahan pengajaran dengan cara yang menarik minda mengekalkan perhatian murid di samping mencungkil rasa ingin tahu mereka.²³⁵ Teknik di bawah yang akan di kemukakan ini hasil dari pengalaman guru dan tajribah sekolah tersebut.

3.4.1 Teknik am pengajaran mengenal al-Qur'ān²³⁶

- i. Menurunkan masa selama 5-10 minit untuk memperbetulkan serta mengulang sebut perkataan ayat-ayat yang kerap menjadi kesalahan pada bacaan murid. Gunakan kad imbasan atau papan putih bagi pengukuhan murid.

²³⁴Ibid., h. 21

²³⁵Sharifah Alwiah Alsagaff (1983) Ilmu Pendidikan Pedagogi, Singapura : Hong Kong, h.352

²³⁶SRI Kiblah,(2003) Rancangan mengajar al-Quran dan Iqra' sesi 2003(t,t) KB: Kelantan, h.6

- ii. Jadikan perkataan atau ayat-ayat yang kerap menjadi kesalahan itu sebagai latihan menulis di samping murid mengulang-kaji bacaan di tempat masing-masing.
- iii. Mula menyelia bacaan murid seorang demi seorang.
- iv. Boleh juga menyediakan 2 orang murid serentak dengan syarat seorang murid telah pun cekap bacaannya sementara seorang lagi masih lemah atau sederhana.
- v. Bagi murid yang telah cekap, panjangkan tempoh masa bersama dengan guru serta kurang perhatian terhadapnya. Sebaliknya banyak memberi tumpuan kepada murid yang lemah atau sederhana bacaannya.
- vi. Tidak digalakkan menyediakan 3 orang atau lebih secara serentak kecuali mereka yang benar-benar mahir dalam pembacaan al-Qur'an.
- vii. Maksud cekap atau mahir di sini ialah bagus dari segi sebutan makhraj, mad, dengan, sifat huruf, wāqaf pada pertengahan atau di akhir ayat, tempoh bacaan (tidak terlalu cepat atau tidak bernafas ketika membaca) dan hukum-hukum tajwid.
- xi. Pastikan murid yang lemah sentiasa berdekatan dengan guru bagi memudahkan pengawasan.

3.4.2 Teknik Am²³⁷ Pengajaran Membaca al-Qur'an

- i. Memulakan dengan bacaan doa.
- ii. Banyakkan ucapan berbentuk perangsang seperti memberi kelebihan membaca al-Qur'an atau menceritakan kisah-kisah teladan yang berkaitan.
- iii. Hubungi Ibu/bapa bagi membincangkan masalah murid.
- iv. Mengakhirkan dengan bacaan doa.
- v. Sentiasa bersalaman dengan murid sebelum atau sesudah mengajar

²³⁷ *ibid* (2003)

3.4.3 Perancangan dan Langkah dalam Pengajaran Al-Qur'an²³⁸

Jadual 3.07: Perancangan mengajar mata pelajaran al-Quran

Langkah		
Pertama	Persediaan	
Kedua	salam , jawab salam dan doa.	
Ketiga	<p>set Induksi</p> <p>-Penerangan ringkas/arahan tertentu yang boleh menarik minat dan perhatian murid kepada pelajaran yang akan diajar.</p> <p>-Atau menarik perhatian murid mengenai kebersihan dalam bilik darjah atau mengenai kebersihan individu murid itu sendiri dengan sama-sama membaca surah al-<i>Fatiha</i>. Murid-murid membaca beramai-ramai mengikut bacaan guru dengan bacaan yang betul dan beradab.</p> <p>-Dan lain-lain yang sesuai.</p>	
Keempat	<p><i>Talāqqi Musāfahah</i> serta latih tubi</p> <p>-Guru menyediakan bahan/alat bantuan mengajar yang berkenaan, kad imbasan, carta ayat dan lain-lain yang difikirkan sesuai mengikut persediaan yang telah dirancang . guru memperdengarkan bacaan bahan dalam carta sementara murid-murid memerhati bacaan guru.</p> <p>-Guru meminta murid-murid membaca beramai-ramai, guru memerhati sambil beredar mengawal suasana dan membetuli bacaan murid-murid beberapa kali.</p> <p>-Guru meminta murid –murid merujuk bahan bacaan masing-masing (buku teks/lembaran kerja atau bahan bacaan yang disediakan oleh guru) di mina bahan tersebut sama dengan carta atau kad-kad imbasan yang digunakan oleh guru.</p> <p>-Guru mengadakan perbincangan /soal jawab lisan yang ringkas melalui bahan-bahan tersebut untuk memantapkan pengecaman murid-murid.</p> <p>-Kalau perlu diteruskan perbincangan /soal jawab lisan dan latih tubi melalui kad imbasan suku kata, kad kalimah dan seterusnya latihan untuk pengukuhan melalui carta ayat atau buku teks (bahan yang disediakan oleh guru)</p>	
	<p>-Sebenarnya bila aktiviti pengajaran dan pembelajaran sampai ke peringkat ini maka guru sudah membuat penilaian terhadap pencapaian murid dalam satu-satu kemahiran yang diajar.</p>	
kelima	<p><i>Musāfahah</i> Individu</p> <p>-Dalam hubungan ini, guru tidak perlu menghabiskan semua murid untuk “<i>musāfahah</i>” guru hendaklah menumpu dan mengutamakan murid-murid yang lemah dahulu, guru perlu mencatat dan merekot tahap</p>	

²³⁸Ibid (2003) h. 5

Sambungan Jadual 3.07

	pencapaian murid-murid dari semasa ke semasa. -Guru menyediakan lembaran kerja kepada murid-murid untuk latihan menulis, waktu murid-murid sedang menyiapkan kerja menulis pada lambaran kerja tersebut, guru menumpukan ‘ <i>musāfahah</i> ’ kepada murid-murid yang lemah (guru membawa murid tersebut di sudut berkalang hadapan) dan <i>musāfahah</i> individu boleh diteruskan (dijalankan) pada bila-bila masa yang sesuai dari semasa ke semasa.	
Keenam	Penutup ²³⁹ -Pesanan /arahan yang boleh mengenal/menarik minat murid untuk belajar al-Qur’ān dan sentiasa beradab dengan al-Qur’ān. -Diakhiri dengan nasyid penutup/doa -Ucapan terima kasih -Salam	

3.4.4 Pelaksanaan Sukatan Pelajaran²⁴⁰ Subjek Tilawah Al-Qur'an

Jadual 3.08 : Sukatan pelajaran

Buku : 1		
Minggu	Kemahiran	Isi kandungan
1	Membunyikan huruf baris satu di atas (fathah)	ب ... بِ muka surat 1 Hingga ... دَدْ muka surat 8
2	Sama	ر ... رِ muka surat 9 hingga ء ... ءِ muka surat 16
3	Sama	ظ ... ظِ muka surat 17 hingga ض ... ضِ muka surat 30
4	Penilaian /pengukuhan	Muka surat 31 dan 32
Buku : 2		
5	Membunyikan huruf berbaris satu di atas (fathah)	نَهَرَ ... نَهَرٌ muka surat 14 hingga بَثَ ... بَثٌ muka surat 13
6	Membunyikan huruf berbaris satu di atas yang bersambung dengan “ا”	لَاصِباً ... لَاصِباً مَغَازَهَا ... مَغَازَهَا وَلَا نَا ... وَلَا نَا
7	Sama	ثَاثَشَ ... ثَاثَشَ نَأَيَ ... نَأَيَ سَأَشَ ... سَأَشَ
8	Penilaian /pengukuhan	Muka surat 21 hingga سَأَشَ ... سَأَشَ muka surat 29
Buku: 3		
9	Membunyikan huruf berbaris satu di bawah (kasrah) membunyikan huruf berbaris satu di bawah bersambung dengan “ي” dan “د”	بِ ... بَيْ muka surat 1 hingga مَوَالَى ... مَوَالَى بِي ... بَيْ = بِيْ muka surat 5 hingga وَعَاءُ خِرَه ... وَعَاءُ خِرَه muka surat 6 hingga وَزَادَهُمَا ... وَزَادَهُمَا بِ... بَيْ muka surat 13
10	Membunyikan huruf berbaris بِ ... بَيْ muka surat 14 hingga وَزَادَهُمَا ... وَزَادَهُمَا بِ... بَيْ muka surat 14

²³⁹Ibid (2003) h.5

²⁴⁰Ibid (2003) h.6-15

Sambungan Jadual 3.08

	satu di hadapan dan baris satu di hadapan berbaris satu di hadapan bersambung dengan “و”	muka surat 16 بُو بُو muka surat 17 hingga يَخَافُونَ عَذَابَه muka surat 28
11	Penilaian/pengukuhan	Muka surat 29 dan 30
Buku : 4		
12	Membunyikan huruf berbaris dua di atas di bawah dan di hadapan	فَتَتْ . بَأْ بِ بْ muka surat 1 hingga حَفَظْتْ muka surat 6
13	Membezakan sebutan panjang dan pendek pada huruf “أ و ي” yang <i>sakinah</i> (mati).	رَضِيَ لَهُ بَيْنَ ، بَيْنَ رَضِيَ لَهُ قَوْلًا muka surat 7 hingga muka surat 10
14	Menyebut ميم mim dan nun نون ساكنة <i>sakinah</i>	أَمْ ، أَمْ ، أَمْ لَمْ مْ وَيَنْتَوْنَ عَنْهُ 11 hingga وَيَنْتَوْنَ عَنْهُ muka surat 15
15	Menyebut huruf ”ق ط ب ج د“ dan huruf lain yang <i>sakinah</i> (ساكنة)	ق ط ب ج د أَبْ أَجْ أَدْ أَطْ أَقْ خَلْقَنَا زَوْجِينَ muka surat 16 hingga خَلْقَنَا زَوْجِينَ muka surat 22
16	Membaca ayat-ayat pendek untuk mengulang kaji kemahiran yang telah dipelajari sebagai pengukuhan	مَكْثِينَ فِيهِ أَبْدَا ... خَلْقَنَا زَوْجِينَ muka surat 23 hingga مَكْثِينَ فِيهِ أَبْدَا ... خَلْقَنَا زَوْجِينَ muka surat 28
17	Penilaian/pengukuhan	Muka surat 29 dan 30
Buku : 5		
18	I Membaca kalimah/perkataan yang mengandungi ال al dan hamzah wasal alif اليف (ا) ii Membaca dengan : 1. <i>sukun</i> (ساكنة) 2. Baris satu atas serta mad 3. <i>Ha' sakinah</i> (هاء ساكنة) pada huruf akhir kalimah ketika <i>waqaf</i>	مَعَ الْحَمْدِ - بِاسْمِكَ muka surat 1 dan 2 نَسْعَيْنَ أَبْدَا muka surat 3 hingga 5 أَبْدَا muka surat 6 ءَانِيَةٌ muka surat 7 dan 8
19	Membaca kalimah/perkataan yang bertanda panjang (~) lebih daripada dua harakah dan huruf wau و yang tidak ada pada bacaan (و) ii membaca dengan <i>ghunnah</i> (غنة) kalimah yang mengandungi nun نون atau mim ميم yang bertasyidid تشدید iii membaca kalimah yang mengandungi <i>mim sakinah</i> ميم ساكنة bertemu ya ياء iv membaca kalimah/perkataan yang mengandungi <i>nun sakinah</i> نون ساكنة atau <i>tanwin</i> تنوين tanpa <i>ghunnah</i> غنة	لَا أَعْدُ - أَوْلَىكَ muka surat 9 عَمَ إِنْ muka surat 10- muka surat 13 كَبِيرٌ - يُكَبِّرَ muka surat 14 ثُمَّ بَعْدَ - كَفَرْتُمْ بَعْدَ muka surat 17 hingga 23 خَافِصَةٌ مَنْ رَأَى - مَنْ رَأَى () نْ رَافِعَةٌ muka surat 24 مَنْ لَمْ ، خَيْرٌ لَكَ muka surat 25 hingga muka surat 26

Sambungan Jadual 3.08

Buku : 6		
21	Membaca kalimah-kalimah yang mengandungi <i>nun sâkinah</i> dan <i>tanwin</i> serta <i>ghunnah</i> (غنة) <i>mim sâkinah</i> bertemu <i>mim</i> dan <i>ba</i> باء ميم	
22	Mengenal tanda -tanda <i>wâkaf</i> وقف Cara <i>muakafkan</i> pada i <i>Nûn berTasyîd</i> نون تشديد ii Hamzah berbaris dua di atas iii huruf akhir yang berbaris sebelumnya ada huruf <i>sâkinah</i> سكينة iv huruf <i>qalqalah</i> قلقلة	م - قل - .. ج - لا - صل - 19 dan 20 لهمَّ muka surat 21 مَاءَ muka surat 22 وَالْفَتْحُ muka surat 23 رَبُّ الْحُكْمِ بِالْحَقِّ muka surat 24
23	Cara membaca <i>fawâtih al-Suâr</i> فواتح السوار huruf diawal surah	الم - المص - الر - المر muka surat 27
24	Penilaian dan pengukuhan	Ujian lisan buku 6

3.5 KESIMPULAN

Hasil dari kajian penulis, hampir keseluruhan murid amat berminat mengikuti kelas al-Qur'an. Guru-guru berpendapat, dalam perjalanan kelas al-Qur'an dan pentadbiran serta pengurusan kelas yang berkesan dapat mencapai objektif dan matlamat yang dituju dan mendatangkan banyak manfaat serta melahirkan murid yang mahir dengan ilmu al-Qur'an. Namun kesuntukan masa belajar dalam seminggu membuatkan guru tidak dapat mengikuti sukanan dengan sepenuhnya. Sukatan hafazan yang digariskan adalah terlalu tinggi dan banyak berbanding dengan tahap pencapaian dan pemulihan serta kecekapan menghafal. Maka sebagai jalan tengah, ialah dengan menambahkan lagi masa bagi sesi hafazan atau mengurangkan lagi beberapa surah-surah. Guru boleh memberi penumpuan dalam pemantapan hafazan yang dihafal kerana tiada guna memberi hafazan yang banyak sekiranya murid tidak mantap dan lancar. Lebih baik sedikit tetapi hafazannya betul dan mantap.

Kesimpulan dari kajian yang dilakukan ke atas ketiga-tiga Sekolah Rendah Islam, penulis mendapati bahawa cara pengajaran yang digunakan masih belum dapat

diseragamkan. Namun sedikit demi sedikit penerapan sistem terkini yang lebih sistematik dan bersepada, diajar secara beransur-ansur di kalangan guru. Lebih banyak pendedahan mengenali sistem baru perlu diberikan kepada guru-guru sekolah swasta. Satu gagasan kerjasama antara guru, pihak sekolah swasta, penyelia dan ibu bapa mestilah diwujudkan agar ketidaklancaran program swasta tidak dituding kepada mana-mana pihak. Penyelesaian masalah tidak akan wujud selagi satu pihak menyalahkan pihak yang lain dalam erti untuk mempertahankan diri sendiri.